



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU PERTANIAN (D.3-4 EB.5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PERTANIAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC/BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang *Agribusiness / Agriculture / Biology / Botany / Combined Science / Food Science / Food Technology / Microbiology / Plant Science* atau dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
3. Berkemahiran dalam membuat laporan dan statistik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI UNIT PASARAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI AGRIMAKANAN:

1. Melaksanakan kegiatan rancangan industri agrimakanan;
2. Memberi khidmat nasihat serta tunjuk cara kepada para pengusaha;
3. Mengendalikan pengumpulan maklumat dan pengiraan data industri agrimakanan dan yang berkaitan; dan
4. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa.



DI UNIT KEMAJUAN PERTANIAN DAERAH BELAIT:

1. Membuat pemantauan ke ladang-ladang pertanian di bawah kawalan Jabatan;
2. Memberi khidmat nasihat serta tunjuk cara dalam bidang pertanian dan agrimakanan;
3. Mengendalikan pengumpulan maklumat dan pengiraan data pengeluaran industri pertanian dan agrimakanan yang berkaitan; dan
4. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa.